# ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk meninjau persepsi Pembimbing Rakan Sebaya(PRS) tentang keberkesanan program kepimpinan dalam melahirkan PRS dalam program Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

Instrumen kajian ialah satu set soal selidik yang mengandungi 37 soalan. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang PRS dari Sekolah Menengah Kebangsaan Infant Jesus Convent, Melaka.

Data yang telah dikumpulkan dianalisa dengan menggunakan peratusan, kekerapan, 'chi-square' dan jadual silang.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa program kepimpinan yang diikuti telah mendedahkan kemahiran asas kaunseling dan komunikasi yang diperlukan untuk membantu mereka melaksanakan program Bimbingan dan Kaunseling di sekolah seperti membantu rakan yang bermasalah, mengurangkan masalah disiplin, membantu program pencegahan dan lain-lain lagi.

Beberapa cadangan juga telah diberi bagi meningkatkan mutu kursus kepimpinan ini pada masa depan.

Title : The Effectiveness of Leardership Course in Producing Peer Counsellor for Guidance and Counselling in School


## ABSTRACT

This study was carried out to evaluate the peer counsellors' perception of the effectiveness of the leadership course in helping them to function in Guidance and Counselling programme in school.

The research instrument was the questionaire which included 37 questions. The research sample comprised of 30 peer counsellors of Sekolah Menengah Kebangsaan Infant Jesus Convent, Melaka.

Data collected was analysed with the use of percentage, frequency, chi square and cross tabulation.

Result of the study showed that majority of the peer counsellors agreed that the leadership course provided them with the basic counselling and communication skills that are needed in order for them to function in Guidance and Counselling programme in school such as helping friends, helping to reduce discipline problem, helping in the preventing programme etc.

A few proposals too, had been suggested to improve the programme in future.